

PETIKAN PROSA MODEN – CERPEN

LATIHAN 1

Soalan 1 – 4 berdasarkan petikan cerpen di bawah.

Emak kemudian meneruskan tugasannya selepas sembahyang isyak. Aku tidak berapa kisah lagi tugas emak ketika itu. Namun menurut emak, membuat tapai banyak pantang larangnya. Kononnya, jika pantang larang dilanggar, tapai tidak manis. Kalau tapai tidak manis orang tidak mahu beli. Namun selama ini, orang tidak pernah merungut tentang tapai ubi Wak Salikon. Juallah di mana-mana tetap habis. Tetap laris.

Kadang-kadang aku kesian juga dengan emak. Tekun benar dia. Malah tapai ubi sudah menjadi mata pencarinya. Sejak aku kecil, emak dan bapa sudah bermiaga tapai ubi. Aku membesar berkat hasil jualan tapai ubi. Aku belajar berkat hasil jualan tapai ubi. Bukan aku sahaja, seluruh adik-beradikku hidup atas berkat usaha emak dan bapa membuat tapai ubi untuk dijual.

"Buat tapai ubi tak boleh bagi orang tahu!" kata emak ketika menabur ragi di atas ubi rebus di dalam sebuah dulang besar. Aku akur dengan petua emak. Aku hanya diam.

"Jangan kena kotoran atau minyak," sampuk bapa pula yang sedang memotong daun pisang untuk dijadikan pembungkus tapai. Kadang-kadang bapa menggunakan daun rambai. Bapa tidak mahu menggunakan plastik kerana keaslian tapai akan hilang. Rasanya kurang enak. Baunya tidak wangi lagi.

"Tak boleh bising-bising," bisik emak pula. Aku hanya membantu mendengar petua yang sama sejak aku kecil.

Dipetik dan diubah suai daripada cerpen 'Legasi Tapai Ubi', antologi *Bintang Hati*, Tingkatan 3, Kementerian Pendidikan Malaysia

1. Berdasarkan petikan cerpen, apakah pantang larang ketika membuat tapai ubi?
 - A Hanya menggunakan dulang yang besar
 - B Membuat tapai ubi hanya pada waktu malam
 - C Tapai ubi hanya boleh dibuat oleh orang dewasa
 - D Tidak memberitahu orang lain ketika membuat tapai ubi

2. Yang berikut merupakan sebab ayah menggunakan daun pisang sebagai pembungkus tapai ubi, kecuali
 - A untuk mengekalkan keaslian tapai.
 - B untuk mengekalkan bau tapai yang wangi.
 - C untuk mengekalkan bentuk tapai.
 - D untuk mengekalkan rasa tapai yang enak.

3. Perwatakan 'emak' seperti yang digambarkan dalam petikan cerpen adalah
 - A taat akan perintah Tuhan.
 - B suka merungut.
 - C tidak sabar.
 - D kreatif.

4. Antara yang berikut, yang manakah benar tentang petikan tersebut?
 - A Tapai ubi yang dijual oleh keluarga penulis tidak manis.
 - B Wak Salikon kadangkala menggunakan plastik sebagai pembungkus tapai ubi.
 - C Penulis bersekolah dengan hasil jualan tapai ubi.
 - D Emak penulis sudah biasa membuat tapai ubi sejak kecil.